

Tinjauan

Pertumbuhan ekonomi dunia berkembang pada tahap agak memberangsangkan...

Ekonomi dunia terus berkembang di sebalik harga minyak mentah yang tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat di negara-negara utama dunia. Kegiatan ekonomi negara maju dijangka terus meningkat, dengan kawasan euro diunjurkan bertambah baik, disokong oleh sentimen pengguna dan perniagaan yang positif, sementara pertumbuhan di Jepun terus bertambah baik berikutan pengukuhan keyakinan perniagaan dan pengguna. Ekonomi Amerika Syarikat (AS) menunjukkan tanda-tanda menjadi sederhana. Di kalangan negara membangun, pertumbuhan terus kukuh di China, India dan negara Asia lain, disokong oleh peningkatan eksport, pelaburan dan penggunaan.

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dunia pada 2006 diunjurkan terus berkembang 4.9% (2005: 4.8%), seperti di *Jadual 2.1*. Pertumbuhan yang dijangka kukuh ini mungkin dikekang oleh beberapa risiko, terutama harga minyak mentah dan kadar faedah dunia yang terus meningkat, pelarasan ketidakseimbangan dunia yang tidak teratur – perbezaan kedudukan keadaan akaun semasa kebanyakan ekonomi di rantau utama dunia – serta suasana geopolitik di Timur Tengah yang semakin tidak menentu.

JADUAL 2.1

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara-Negara Terpilih, 2005-2007 (% perubahan)

	2005	2006 ¹	2007 ²
KDNK Dunia	4.8	4.9	4.7
Negara Maju			
Kawasan euro	1.3	2.1	1.9
Jepun	2.6	2.8	2.1
United Kingdom	1.8	2.5	2.8
Amerika Syarikat	3.5	3.25-3.5	3.0-3.25
Asia Timur			
China	9.9	10.4	9.3
Hong Kong SAR	7.3	5.5	5.0
Republik Korea	4.0	5.1	4.9
Taiwan	4.1	4.3	4.0
Asia Selatan			
India	8.4	7.3	7.0
ASEAN 5			
Indonesia	5.6	6.2	6.3
Malaysia	5.2	5.8	6.0
Filipina	5.1	5.5-6.2	5.6
Singapura	6.4	6.5-7.5	4.6
Thailand	4.5	4.5-5.5	5.4

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook (April 2006) dan pelbagai sumber.

Prestasi Perdagangan, Pelaburan dan Pasaran Kewangan

Perdagangan dunia terus memacu pertumbuhan global...

Perdagangan dunia dijangka berkembang 8% pada 2006 (2005: 7.3%), disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dan peningkatan permintaan untuk semi-konduktor berikutan pemulihan industri elektronik dunia, minyak mentah, komoditi serta bahan mentah. Perkembangan ekonomi global terutamanya di AS, kawasan euro, Jepun dan China akan terus mempengaruhi perdagangan dunia.

Perdagangan dunia, seperti yang ditunjukkan oleh import dunia, dijangka berkembang 9.7% pada 2006 (2005: 7.4%), dengan import masih kukuh di kebanyakan rantau di dunia. Di Jepun, pelaburan swasta yang mapan dan pasaran buruh yang semakin baik dijangka merancakkan penggunaan isi rumah, menjadi pemangkin kepada pertumbuhan import sebanyak 5.5%. Di kawasan euro, import dijangka melonjak, dengan pelaburan perniagaan dan eksport menunjukkan tanda pemulihan serta pasaran buruh yang semakin baik. Di AS pula, pertumbuhan perdagangan dijangka mantap walaupun import dijangka menurun sedikit berikutan penggunaan isi rumah yang semakin lemah menjelang separuh kedua tahun ini disebabkan oleh pasaran perumahan yang semakin perlahan. Import di negara membangun Asia akan diterajui oleh China, kini merupakan pengimport ketiga terbesar selepas AS dan Jerman. Pertumbuhan jumlah import dijangka mencecah 20% berikutan permintaan yang bertambah, terutamanya untuk bahan mentah. Di negara Asia lain, perdagangan terus kukuh dengan import meningkat untuk memenuhi permintaan swasta yang mapan di kebanyakan ekonomi. Import di Amerika Latin dijangka meningkat 8%, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan peningkatan nilai mata wang. Sementara itu, peningkatan harga minyak mentah telah menguntungkan negara pengeksport minyak di Afrika dan Timur Tengah, membawa kepada kenaikan import.

Aliran masuk **pelaburan langsung asing (FDI)** dunia bertambah mengikut kadar tahunan 29% kepada USD896.7 bilion pada 2005. Berdasarkan kajian *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) pada 2005, aliran masuk FDI dunia diramal terus berkembang pada 2006. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pertumbuhan FDI akan tertumpu kepada sumber asli dan infrastruktur, dengan kegiatan penggabungan dan pengambilalihan (M&A) merentasi sempadan yang menunjukkan tren meningkat. Peningkatan FDI ke sektor sumber asli adalah untuk memenuhi keperluan perindustrian China dan peluang dalam industri minyak dan gas. Bagi sektor lain, peningkatan aliran masuk FDI bagi produk elektrik dan elektronik, mesin dan peralatan, logam dan produk logam dijangka tinggi. Prospek FDI untuk sektor perkhidmatan terus positif di bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), utiliti awam, pengangkutan dan pelancongan. Regim pelaburan yang semakin liberal berikutan perjanjian dua hala, serantau dan antarabangsa, dijangka turut menyumbang ke arah aliran masuk FDI yang lebih tinggi pada 2006. Mengikut kajian tersebut, China, India, AS, Rusia dan Brazil merupakan lima lokasi pelaburan yang paling menarik berdasarkan penilaian oleh syarikat transnasional (TNC).

Prestasi **pasaran ekuiti** utama pada separuh pertama 2006 bercampur-campur, dipengaruhi oleh ketidaktentuan kenaikan kadar faedah di AS, ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan harga minyak mentah yang tidak menentu. Di AS, harga saham menokok pada awal tahun didorong oleh prospek pendapatan korporat yang kukuh, tetapi menjunam pada pertengahan Mei hingga awal Jun berikutan meningkatnya jangkaan inflasi dan ketidaktentuan mengenai kenaikan kadar faedah seterusnya oleh *Federal Reserve Board* (Fed).

Kebanyakan pasaran kembali meningkat apabila Fed mengekalkan kadar faedah AS pada 5.25% pada 8 Ogos 2006, seperti yang dijangkakan sebelum ini. Pasaran ditutup lebih tinggi di AS (3.3% berbanding akhir 2005), United Kingdom (UK: 4.3%), Jerman (5.4%) dan Perancis (6.6%), tetapi jatuh 2.8% di Jepun dan 4.7% di Republik Korea, seperti di *Jadual 2.2*. Pergerakan harga

JADUAL 2.2

Prestasi Pasaran Saham Terpilih

Indeks / Pasaran Saham	Akhir-2004	Akhir-2005	9 Ogos 2006	% perubahan berbanding	
				Akhir-2004	Akhir-2005
DJIA, AS	10,783.01	10,717.50	11,076.18	2.7	3.3
Nikkei-225, Jepun	11,488.76	16,111.43	15,656.59	36.3	-2.8
FTSE-100, UK	4,814.30	5,618.80	5,860.50	21.7	4.3
DAX, Jerman	4,256.08	5,408.26	5,702.81	34.0	5.4
CAC, Perancis	3,821.16	4,715.23	5,025.15	31.5	6.6
HSI, Hong Kong SAR	14,230.14	14,876.43	17,346.58	22.0	16.6
KOSPI, Republik Korea	895.92	1,379.37	1,314.93	46.8	-4.7
TWSE, Taiwan	6,139.69	6,548.34	6,573.22	7.1	0.4
KLCI, Malaysia	907.43	899.79	941.26	3.7	4.6
STI, Singapura	2,066.14	2,347.34	2,465.04	19.3	5.0
SET, Thailand	668.10	713.73	708.93	6.1	-0.7
JCI, Indonesia	1,000.23	1,162.64	1,413.10	41.3	21.5
PCOMP, Filipina	1,822.83	2,096.04	2,349.22	28.9	12.1

Sumber: Bloomberg.

di pasaran Asia secara keseluruhannya sama seperti pasaran di AS yang mana pasaran saham ditutup pada harga yang lebih tinggi di Indonesia (21.5%), Hong Kong (16.6%), Filipina (12.1%), Singapura (5%), Malaysia (4.6%) dan Taiwan (0.4%).

Di **pasaran pertukaran asing**, dolar AS kekal lemah berbanding mata wang utama lain pada awal 2006 ekoran kebimbangan harga minyak mentah yang lebih tinggi dan jangkaan kenaikan seterusnya kadar faedah AS. Apabila kadar faedah AS kekal pada 5.25% pada 8 Ogos, euro dan pound sterling mengukuh berbanding dolar AS, masing-masing sebanyak 8.3% dan 9.7%, berbanding akhir 2005. Nilai dolar AS juga turun berbanding mata wang serantau seperti baht Thai, rupiah Indonesia dan dolar Singapura, seperti di *Jadual 2.3*.

Ekonomi Negara Maju

Prestasi yang lebih baik, walaupun dijangka perlahan pada separuh kedua...

Pertumbuhan di kalangan negara maju lebih meluas dengan AS terus kekal sebagai jentera utama pertumbuhan, disokong oleh pengembangan yang masih berterusan di Jepun dan pemulihan yang mapan di kawasan euro. Bergerak ke hadapan, negara-negara ini terus terdedah kepada kejutan harga minyak mentah disebabkan kekangan kapasiti pengeluaran dan kemungkinan pelarasan ketidakseimbangan dunia yang tidak teratur.

Ekonomi **AS** menokok 4.1% pada separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 3.4%). Didorong oleh peningkatan penggunaan, pelaburan tetap

JADUAL 2.3

Prestasi Mata Wang Terpilih berbanding USD

Mata wang	Mata wang terpilih berbanding satu unit USD			% perubahan berbanding	
	21 Julai 2005	Akhir-2005	9 Ogos 2006	21 Julai 2005	Akhir-2005
Renminbi China ¹	8.2765	8.0702	7.9760	3.8	1.2
Euro ²	1.2143	1.1830	1.2898	-5.9	-8.3
Dolar Hong Kong	7.7792	7.7547	7.7771	0.0	-0.3
Rupiah Indonesia	9,800.00	9,831.00	9,095.00	7.8	8.1
Yen Jepun	112.32	117.48	114.90	-2.2	2.2
Won Korea	1,036.00	1,007.30	959.45	8.0	5.0
Ringgit Malaysia¹	3.8000	3.7793	3.6685	3.7	3.2
Dolar Taiwan Baru	31.965	32.825	32.772	-2.5	0.2
Peso Filipina	55.765	52.985	51.350	8.6	3.2
Pound sterling ³	1.7472	1.7232	1.9093	-8.5	-9.7
Dolar Singapura	1.6782	1.6631	1.5725	6.7	5.8
Baht Thailand	41.86	41.06	37.57	11.4	9.3

¹ Tambatan renminbi dan ringgit dibatalkan pada 21 Julai 2005.

² USD berbanding satu unit euro.

³ USD berbanding satu unit pound sterling.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai sumber.

perniagaan dan perbelanjaan kerajaan yang kukuh, ekonomi berkembang pada kadar yang menggalakkan iaitu 5.6% bagi suku pertama (Januari-Mac 2005: 3.4%). Walau bagaimanapun, dalam keadaan produktiviti yang semakin lembap dan kos unit buruh semakin meningkat, ekonomi AS menjadi perlahan kepada 2.5% pada suku kedua (April-Jun 2005: 3.3%) ekoran perbelanjaan pengguna dan perbelanjaan kerajaan yang semakin lemah serta pelaburan tetap swasta dan pembinaan kediaman yang jatuh mendadak. Perbelanjaan pengguna yang merupakan lebih dua pertiga agregat perbelanjaan, menurun akibat kos tenaga yang lebih tinggi dan pasaran perumahan yang menurun.

Pertumbuhan dijangka sederhana dalam separuh kedua tahun ini. Pengangguran meningkat kepada 4.8% pada Julai, daripada 4.6% dua bulan sebelumnya, sementara guna

tenaga bukan-ladang masih kekal lemah. Inflasi, walaupun menurun, masih kekal tinggi dengan indeks harga perbelanjaan penggunaan persendirian (PCE) pada 2.7% pada Jun 2006. Fed memberi keutamaan yang lebih kepada pertumbuhan ekonomi yang menampakkan tanda-tanda semakin lemah dan memutuskan pada 8 Ogos 2006 untuk mengekalkan kadar faedah pada 5.25%, setelah menaikannya 17 kali berturut-turut sejak Jun 2004. Oleh kerana risiko inflasi masih kekal, Fed memberi ruang kepada kemungkinan kenaikan kadar faedah seterusnya. Berdasarkan jangkaan bahawa ekonomi AS akan terus sederhana pada separuh kedua, pertumbuhan KDNK benar 2006 diunjur antara 3.25% dan 3.5% (2005: 3.5%).

Pemulihan ekonomi di **kawasan euro** yang bermula pada 2005 terjejas pada suku keempat akibat harga tenaga yang lebih tinggi dan

penggunaan isi rumah yang menurun, tetapi meningkat semula dengan mencatat pertumbuhan 2% pada suku pertama 2006 dan terus meningkat kepada 2.4% pada suku kedua. Peningkatan ini adalah hasil daripada permintaan domestik yang lebih kukuh, disokong oleh peningkatan pelaburan swasta untuk peralatan dan pembinaan serta pertambahan pendapatan daripada eksport. Inflasi, yang kekal melebihi siling 2% (Mei-Julai: 2.5%), membawa kepada keputusan *European Central Bank* menaikkan kadar faedah kepada 3% pada 3 Ogos, iaitu kenaikan kali keempat sejak Disember 2005. Walaupun wujud tekanan inflasi akibat harga minyak mentah yang lebih tinggi, kawasan euro diramal berkembang 2.1% bagi 2006 (2005: 1.3%).

Ekonomi **Jerman** berkembang 2.1% pada separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 0.6%), didorong oleh peningkatan pelaburan perniagaan dan juga kegiatan pembinaan yang kembali pulih daripada kesan negatif cuaca yang lebih sejuk daripada kebiasaan pada suku pertama. Kejohanan bola sepak Piala Dunia pada Jun dan Julai, yang menjana pertambahan jualan runcit bernilai USD2.5 bilion, dan juga kemungkinan kenaikan cukai nilai tambah (VAT) pada Januari 2007 mengukuhkan perbelanjaan pengguna. Ekonomi Jerman diramal berkembang 1.7% pada 2006 (2005: 1%) didorong oleh pengukuhan permintaan dunia melalui peningkatan sumbangan daripada pelaburan dan penggunaan swasta, dan juga keadaan pembiayaan kewangan yang terus menyokong pertumbuhan.

Ekonomi **UK** mencatat pertumbuhan KDNK benar 2.5% dalam separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 1.9%), didorong oleh pertumbuhan kukuh 2.6% dalam suku kedua (April-Jun 2005: 1.7%). Pertumbuhan suku kedua diterajui terutamanya oleh kekuatan berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pusingan semula perkilangan. Sektor perkhidmatan berkembang pesat 3.6% (April-Jun 2005: 2.6%), dipacu oleh prestasi yang semakin baik dalam semua sub-sektor perkhidmatan. Sektor peruncitan khususnya, terus mempamerkan pengukuhan. Bagi Mei hingga Julai 2006, volum jualan runcit tumbuh 3.9% dengan sebahagian besar jualan

kedai makanan meningkat 3.2% manakala bukan makanan 4.6%. Inflasi, dengan tren yang meningkat disebabkan kenaikan bil utiliti tenaga, mencatatkan kadar 2.8% pada Julai 2006. Bagi membendung inflasi, *Bank of England* menaikkan kadar penanda aras faedah asas sebanyak 25 mata asas kepada 4.75% pada 3 Ogos 2006, iaitu peningkatan kali pertama sejak Ogos 2005. Ekonomi UK pada 2006 dijangka mencapai 2.5% (2005: 1.8%), didorong oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi, pelaburan perniagaan dan perbelanjaan kerajaan yang meningkat, pertumbuhan yang lebih cergas di kawasan euro serta nilai pound yang lebih berdaya saing.

Ekonomi **Jepun** mengekalkan momentum pertumbuhannya, sungguhpun KDNK menyusut daripada 3.8% pada suku pertama kepada 2% pada suku kedua. Perbelanjaan modal mencatat kenaikan sembilan kali berturut-turut dengan peningkatan 9.8% pada suku kedua. Penggunaan swasta yang merupakan kira-kira 55% KDNK Jepun, meningkat sebanyak 1.9% pada suku kedua, iaitu peningkatan kali yang keenam berturut-turut. Perbelanjaan modal yang semakin meningkat, terutamanya bagi kilang dan inventori serta penggunaan domestik yang semakin kukuh, menandakan bahawa ekonomi Jepun kekal berkembang dengan kenaikan semula harga selepas bertahun-tahun mengalami deflasi.

Gambaran pertumbuhan yang lebih baik ini diperkukuhkan lagi apabila *Bank of Japan* menaikkan kadar faedah utama dari sifar ke 0.25% pada 14 Julai 2006, iaitu kali pertama dalam tempoh enam tahun. Kadar faedah yang lebih tinggi ini dijangka merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi melalui penambahan pendapatan pengguna sebanyak satu trilion yen (anggaran USD9 bilion) yang akan meningkatkan lagi perbelanjaan penggunaan. Kenaikan seterusnya kadar faedah bergantung kepada penyesuaian ekonomi Jepun dengan rejim monetari yang baru ini. Dari sudut fiskal, kerajaan Jepun menghadapi cabaran dalam melaksanakan keputusan untuk mengekang defisit belanjawan sambil memastikan momentum pertumbuhan dikekalkan. Pertumbuhan ekonomi Jepun dijangka berkembang 2.8% pada 2006 (2005: 2.6%).

Ekonomi Negara Membangun

Prestasi kukuh diterajui oleh negara membangun Asia...

Negara membangun di **Asia**, dengan purata pertumbuhan KDNK 8.5%, mengatasi rantau lain sejak tiga tahun kebelakangan ini. China dan India merupakan negara peneraju dengan pertumbuhan diunjurkan mencatat 10.4% (2005: 9.9%) dan 7.3% (2005: 8.4%) pada 2006. Negara anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) juga dijangka mencatat pertumbuhan kukuh antara 4.5% (Thailand) dan 8% (Viet Nam). Negara Asia yang lain diramal menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan termasuk Bhutan (13.2%), Afghanistan (11.7%) dan Maldives (8%).

Pertumbuhan **negara-negara membangun Eropah** dijangka kekal melebihi paras 5% pada 2006, disokong oleh permintaan domestik dan pertumbuhan eksport yang kukuh, didorong sebahagiannya oleh pemulihan permintaan domestik di kawasan euro. Beberapa negara di rantau ini yang dijangka mencatat pertumbuhan kukuh walaupun sederhana pada tahun sebelumnya termasuk Latvia 9% (2005: 10.2%), Estonia 7.9% (2005: 9.8%), Lithuania 6.5% (2005: 7.3%), Republik Slovak 6.3% (2005: 6%), Turki 6% (2005: 7.4%) dan Bulgaria 5.6% (2005: 5.5%). Pertumbuhan di **Komanwel Negara-negara Merdeka** (CIS) juga dijangka menurun sedikit kepada 6% (2005: 6.5%) disebabkan keadaan kredit antarabangsa dan dasar monetari yang lebih ketat serta pertumbuhan pengeluaran sektor tenaga yang lebih rendah (Rusia, Kazakhstan), ketidaktentuan politik dan ekonomi (Ukraine, Republik Kyrgyz) serta sumbangan negatif sektor luaran (Rusia, Ukraine). Di **Amerika Latin**, pertumbuhan dijangka kekal 4.3% pada 2006, disokong oleh permintaan global yang kukuh untuk komoditi, khususnya bahan api dan logam (Chile, rantau Andean) dan pertanian (Argentina, Uruguay). Berlandaskan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan disiplin fiskal, hutang awam turut berkurangan.

Pendapatan eksport minyak mentah yang lebih tinggi telah memacu pertumbuhan ekonomi di **Timur Tengah**. Namun begitu, dengan pengeluaran yang hampir mencapai tahap maksimum, pertumbuhan dijangka menurun sedikit kepada 5.7% pada 2006 (2005: 5.9%). Arab Saudi diramal mencatat pertumbuhan tertinggi iaitu 6.3% (2005: 6.5%). Risiko utama yang mempengaruhi prospek di rantau ini ialah ketidaktentuan geopolitik dan kemajuan pembangunan semula Iraq yang perlahan. **Afrika** dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 5.7% pada 2006 (2005: 5.2%). Pertumbuhan di negara seperti Nigeria dan Angola mula meningkat disebabkan harga minyak mentah yang lebih tinggi, manakala negara pengimport minyak seperti Afrika Selatan dan Zambia turut mengukuh berikutan harga logam yang lebih tinggi. Negara-negara lain seperti Ethiopia, Mozambique dan Sierra Leone telah mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan, hasil pembaharuan ekonomi yang dilaksanakan sebelum ini.

Ekonomi Asia Timur

Pertumbuhan didorong oleh eksport dan permintaan domestik yang semakin meningkat...

Pertumbuhan eksport Asia Timur terus berkembang pada 2006, didorong oleh pemulihan kukuh dalam permintaan elektronik global pada separuh kedua 2005. Pertumbuhan KDNK benar 2006 di rantau ini dijangka kekal mantap pada 7.7% diperkukuhkan dengan pertumbuhan mapan di Jepun dan pemulihan ekonomi Korea, serta pertumbuhan berterusan negara ASEAN dan China. Inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 2.4% pada 2006 apabila ekonomi serantau membuat penyesuaian terhadap harga minyak mentah yang lebih tinggi. Rantau **ASEAN** dianggarkan mencatat pertumbuhan 5.8% pada 2006 (2005: 5.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang semakin kukuh.

KDNK **China** pada separuh pertama 2006 melonjak 10.9% (Januari-Jun 2005: 9.5%), dipacu terutamanya oleh peningkatan mendadak pelaburan dalam pembinaan jalan raya, peralatan kilang dan aset tetap lain yang meningkat 29.8%. Jumlah jualan runcit juga meningkat 13.3% dalam tempoh yang sama. Sementara itu, lebih dagangan berkembang 55% kepada USD61.4 bilion, didorong oleh perdagangan luar yang pesat dengan nilai eksport-import berkembang 23.4%.

Inflasi yang sebelum ini sentiasa berada pada paras yang rendah, meningkat sekadar 1.3% dalam enam bulan pertama disebabkan lebih kapasiti domestik. Peningkatan harga minyak mentah tidak begitu menjejaskan inflasi di China disebabkan, antara lain, subsidi tenaga dan utiliti yang berterusan.

Bagi mengawal pertumbuhan pada tahap yang lebih mapan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah termasuk menghadkan kredit dan pelaburan yang berlebihan dalam sektor-sektor tertentu seperti hartanah, industri pengeluaran keluli dan simen serta industri elektronik pengguna. Selepas mengumumkan prestasi ekonomi suku pertama, kadar pinjaman bank telah dinaikkan kepada 5.85% pada April 2006, iaitu kenaikan pertama sejak Oktober 2004. Seterusnya, kadar pinjaman bank dinaikkan kepada 6.12%, sementara kadar deposit dinaikkan sebanyak 2.52% pada Ogos. Pertumbuhan dijangka mencatat 10.4% pada 2006 (2005: 9.9%).

Ekonomi **Republik Korea** berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 5.3% pada suku kedua 2006 (Januari-Mac 2006: 6.1%), terutama disebabkan perbelanjaan pembinaan yang lebih rendah. Pada keseluruhannya, ekonomi Korea kekal mantap dengan eksport yang kukuh (April-Jun 2006: 15.3%) dan permintaan domestik yang bertahan (April-Jun 2006: 4.5%).

Untuk mengekang tekanan inflasi, *Bank of Korea* menaikkan kadar faedah utama sebanyak 25 mata asas kepada 4.50% pada Ogos, selepas kenaikan yang sama pada Jun 2006. Pertumbuhan di Korea dijangka meningkat kepada 5.1% pada 2006 (2005: 4%) disokong oleh penggunaan,

pelaburan dan eksport yang lebih kukuh. Namun begitu, prospek yang optimistik ini mungkin terjejas oleh nilai won yang semakin kukuh, harga minyak mentah yang lebih tinggi dan permintaan terhadap produk teknologi maklumat yang berkurangan. Ini boleh menjejaskan perusahaan kecil dan sederhana serta sektor isi rumah yang banyak berhutang.

Indonesia mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh, iaitu 5.2% pada suku kedua 2006 berbanding 4.7% pada suku pertama. Pertumbuhan ini disebabkan terutamanya peningkatan eksport sebanyak 11.3% yang turut merangsang pengembangan sektor pertanian sebanyak 5% dan sektor perlombongan, 5.4%. Pada masa yang sama, perbelanjaan pengguna yang lebih lemah dan penurunan pelaburan swasta diimbangi oleh peningkatan perbelanjaan kerajaan sebanyak 31.4% dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku kedua.

Inflasi, yang melebihi 17% sejak Oktober 2005 ekoran kenaikan harga bahan api, menurun kepada 15.5% pada Julai 2006 terutama disebabkan pengukuhan nilai rupiah dan harga makanan yang lebih stabil serta tindakan kerajaan menanggah kenaikan tarif elektrik.

Dalam usaha menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi, Bank Indonesia menurunkan kadar faedah polisi pada Julai tahun ini sebanyak 25 mata asas kepada 12.25%, diikuti dengan pengurangan 50 mata asas pada Ogos kepada 11.75%. Indonesia menghadapi beberapa risiko terutamanya harga minyak mentah yang tinggi dan dasar monetari global yang terus ketat, kemajuan pembangunan infrastruktur yang perlahan di sesetengah kawasan serta masalah pelaksanaan rangsangan fiskal kerajaan. Namun begitu, pertumbuhan di Indonesia dijangka meningkat pada separuh kedua 2006, dan diunjur berkembang 6.2% pada 2006 (2005: 5.6%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam imbalan pembayaran dan keadaan makroekonomi yang lebih stabil serta keyakinan pengguna dan perniagaan berikutan penurunan kadar faedah.

Filipina mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan mencatat peningkatan 5.5% pada suku pertama 2006 (Januari-Mac 2005: 4.2%). Ini disokong oleh pertumbuhan berterusan sektor perkhidmatan, walaupun pada tahap yang lebih perlahan iaitu 6.2%, peningkatan prestasi dalam sektor industri 5.5% dan peningkatan semula sektor pertanian 3.8%.

Inflasi mencatatkan kadar yang lebih tinggi sebanyak 7.6% pada Februari 2006, terutamanya disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi dan kenaikan VAT sebanyak dua mata peratusan. Bagi mengurangkan kesan kenaikan VAT yang dilaksanakan pada 1 Februari 2006, kerajaan mengecualikan penerima upah minimum daripada cukai pendapatan. Selaras dengan tindakan ini, inflasi terus menunjukkan tren ke bawah dengan mencatat 6.4% pada Julai.

Ekonomi Filipina, walaupun dijangka mengekalkan pertumbuhan antara 5.5% dan 6.2% (2005: 5.1%), boleh dijejaskan oleh ketidaktentuan politik dan penangguhan berterusan dalam pembaharuan struktur. Pertumbuhan dijangka berpunca daripada perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih tinggi, disokong oleh kiriman wang yang meningkat daripada pekerja Filipina di luar negara, serta eksport.

Ekonomi **Singapura** berkembang pada purata 9.4% pada separuh pertama 2006 (Januari-Jun 2005: 4.6%), dengan pertumbuhan untuk permintaan luar menurun dari 16% pada suku pertama kepada 13% pada suku kedua. Walau bagaimanapun, jumlah permintaan domestik berkembang sebanyak 4.9% pada suku kedua terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan swasta dan jumlah pembentukan modal tetap kasar yang lebih tinggi. Pertambahan ketibaan pelancong yang meningkatkan jualan di hotel, restoran dan gedung membeli belah dijangka terus meningkat apabila Singapura menjadi tuan rumah Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia pada September.

Tekanan inflasi ekoran harga minyak dan beberapa komoditi bukan minyak yang tinggi menyebabkan purata kadar inflasi mencatat 1.3% untuk enam bulan pertama 2006. Secara

keseluruhannya, inflasi dijangka terkawal antara 1% dan 2% pada 2006 (2005: 0.7%). Ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 6.5% dan 7.5% pada 2006 (2005: 6.4%), sekiranya tiada sebarang kejutan luar.

Ekonomi **Thailand** terus berkembang pada suku pertama 2006, mencapai 6% (Januari-Mac 2005: 3.2%) walaupun menghadapi masalah politik dalaman. Pertumbuhan berterusan disumbang terutamanya oleh pengembangan eksport yang kukuh sebanyak 20% pada suku pertama dan penggunaan isi rumah yang mantap. Penggunaan isi rumah meningkat 4.1% terutamanya disebabkan pendapatan sektor perladangan yang lebih tinggi ekoran pertambahan pengeluaran dan harga keluaran pertanian yang semakin meningkat, serta pelarasan gaji minimum yang lebih tinggi berkuatkuasa 1 Januari 2006. Walau bagaimanapun, penggunaan isi rumah mungkin lebih tinggi jika tidak disebabkan kenaikan inflasi dan kadar faedah serta ketidaktentuan politik.

Kenaikan harga minyak mentah telah menyebabkan Indeks Harga Pengguna meningkat 5.7% pada suku pertama 2006. Pertumbuhan ekonomi 2006 diramal dalam lingkungan 4.5% ke 5.5% (2005: 4.5%) disumbangkan oleh permintaan luar yang kukuh, prestasi sektor pelancongan yang bertambah baik dan penggunaan isi rumah yang mantap.

Kerjasama Kewangan dan Perkembangan Perdagangan

Kerjasama yang lebih erat bagi pertumbuhan ekonomi mapan...

Dalam menghadapi persaingan yang semakin sengit ekoran impak globalisasi, keperluan untuk bekerjasama antara negara semakin mendesak. Melalui kerjasama, negara dapat memanfaatkan idea, amalan terbaik dan pengalaman, dan melalui proses ini, berusaha menggubal dasar yang bersesuaian demi faedah bersama. Dalam bidang kewangan dan perdagangan, Malaysia terus terlibat secara aktif di peringkat dua hala dan pelbagai hala.

Kerjasama Kewangan Serantau

Ke arah integrasi dan kerjasama serantau yang lebih erat...

Kerjasama serantau di bawah rangka kerja **ASEAN** terus maju di bawah kepimpinan Menteri-Menteri Kewangan ASEAN. Pada April 2006, semasa Mesyuarat Kesepuluh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN di Siem Reap, Kemboja, negara ahli telah mengorak langkah ke arah peningkatan kerjasama, harmonisasi dan integrasi kastam dengan termeterainya *Protocol to Establish and Implement the ASEAN Single Window*. Protokol tersebut, merangkumi pemprosesan dokumen perdagangan secara elektronik dan memperkemas prosedur kastam antara negara ahli yang akan memudahkan lagi perdagangan dan pelaburan merentasi sempadan di rantau ini.

Keutamaan yang dikenal pasti ke arah meningkatkan daya saing dan kedalaman sektor kewangan ASEAN dalam suasana globalisasi termasuk membangunkan ASEAN sebagai satu kelas aset, memperkasakan liberalisasi perkhidmatan kewangan, mengukuhkan bina upaya dan mempertingkatkan pembiayaan prasarana. Kejayaan pelancaran Indeks FTSE-ASEAN semasa Seminar Pelabur Menteri-Menteri Kewangan ASEAN pada September 2005 di London memupuk minat sektor swasta untuk membangunkan produk kewangan ASEAN seperti dana dagangan bursa (ETF).

Seperti pada 2004 dan 2005, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN telah bersetuju untuk terus mempromosi rantau ini sebagai suatu destinasi pelaburan utama dengan mengambil kira integrasi ekonomi serantau yang lebih erat. Bertemakan *ASEAN: Meeting Global Challenges*, Seminar Pelabur Ketiga Menteri-Menteri Kewangan ASEAN akan diadakan pada 14 September di Hong Kong dan 16 September 2006 di Singapura. Seminar ini bertujuan mengambil peluang sempena acara serantau, termasuk Mesyuarat Tahunan IMF dan Bank Dunia di Singapura, yang dijangka menarik ramai pelabur antarabangsa, pengurus bank pelaburan dan pengurus dana.

Rundingan pusingan keempat liberalisasi perkhidmatan kewangan di bawah *ASEAN Framework Agreement on Services* (AFAS) yang dilancarkan pada April 2005 berjalan lancar dan dijadual dimuktamadkan pada penghujung 2007. Sementara itu, inisiatif liberalisasi akaun modal akan menyaksikan pelancaran sebuah buku mengenai dasar akaun modal di negara ASEAN pada September 2006, dan akan dikemaskini melalui laman web yang diuruskan oleh Sekretariat ASEAN.

Kerjasama kewangan Asia Timur mencatat satu lagi kejayaan dengan kemajuan menggalakkan di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI) dan Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) semasa Mesyuarat Kesembilan Menteri-Menteri Kewangan **ASEAN+3** di Hyderabad, India pada 4 Mei 2006. CMI, yang merangkumi suatu rangkaian pengaturan swap dua hala (BSA) antara negara anggota dan bertujuan memperkukuhkan lagi sokongan kecairan serantau, kini berjumlah USD75 bilion. Untuk terus mempertingkatkan keberkesanan CMI, negara anggota bersetuju menerima pakai prosedur membuat keputusan secara kolektif bagi mempercepat proses pengaktifan swap untuk membantu negara yang menandatangani BSA apabila menghadapi masalah kecairan jangka pendek.

Kemajuan ketara di bawah ABMI dicerminkan oleh pasaran bon mata wang tempatan di rantau ini yang telah berkembang pesat sebanyak empat kali ganda sejak 1997. Untuk terus membangunkan kedalaman dan kecairan pasaran bon, yang akan membantu mempercepat pengagihan tabungan terkumpul yang besar di Asia bagi membiayai pelaburan produktif di rantau ini, ABMI terus memberi fokus kepada pengukuhan prasarana pasaran, termasuk penubuhan mekanisme jaminan kredit dan pelaburan serantau, sistem penyelesaian, penarafan kredit dan piawaian bon Asia.

Pada peringkat antara rantau, **Mesyuarat Asia-Eropah** (ASEM) bagi Menteri-Menteri Kewangan yang ketujuh telah diadakan di Vienna, Austria pada awal April 2006. Mesyuarat tersebut telah memberi peluang kepada Menteri Kewangan

dari 13 negara ahli ASEAN+3, 25 negara ahli Kesatuan Eropah serta Suruhanjaya Eropah untuk membincangkan perkembangan dan isu ekonomi dunia. Menteri-Menteri Kewangan ASEM juga telah bersetuju menubuhkan Dana Amanah ASEM yang ketiga untuk membina upaya serta meluluskan Terma Rujukan mengenai *ASEM Contingency Dialogue Mechanism for Emergent Economic and Financial Events*. Menteri-Menteri turut membincangkan isu ketidaksejajaran kuota antara ahli Institusi Bretton Woods dan bersetuju bahawa keadilan bersuara dan pengagihan kuota perlu mencerminkan perkembangan terkini ekonomi dunia bagi meningkatkan peranan dan komitmen negara ahli.

Perkembangan Perdagangan

Kemajuan yang perlahan dalam WTO...

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah melancarkan rundingan Pusingan Doha pada 2001 untuk mempertingkatkan lagi kemajuan proses liberalisasi perdagangan global antara lain dalam pertanian, akses pasaran bukan pertanian (NAMA) dan perkhidmatan. Pusingan Doha, yang juga dikenali sebagai Agenda Pembangunan Doha (DDA), menuntut ahli-ahli WTO menangani keperluan dan kepentingan negara membangun dalam rundingan ini serta menyelesaikan

beberapa isu yang dibangkitkan oleh negara membangun. Walau bagaimanapun, kemajuan DDA adalah terhad, terutama disebabkan kebuntuan dalam isu pertanian dan bukan pertanian. Memandangkan rundingan yang kini tergantung, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi menjayakan Pusingan Doha.

Prospek 2007

Ekonomi utama dunia dijangka mengalami pertumbuhan sederhana...

Dalam persekitaran harga minyak mentah yang tinggi, keadaan monetari yang semakin ketat dan ketidakseimbangan dunia yang semakin membimbangkan, AS diramal mencapai pertumbuhan 3% hingga 3.25% pada 2007 (2006: 3.25%-3.5%), kawasan euro 1.9% (2006: 2.1%) dan Jepun 2.1% (2006: 2.8%), dengan inflasi di negara-negara maju diramalkan terkawal pada kadar 2.1% (2006: 2.3%). Walau bagaimanapun, rantau Asia Timur, khususnya China, akan terus mengalami pertumbuhan menggalakkan dengan sokongan permintaan dalam negeri dan pertumbuhan eksport. Berdasarkan pertumbuhan negara maju yang umumnya menunjukkan tren semakin sederhana, keluaran dunia pada 2007 diunjurkan menyusut kepada 4.7% (2006: 4.9%).